

مصطلاح الحديث

MUSTOLAH HADIS

STAM

{2020}

KANDUNGAN

- | | |
|----|---|
| 1 | ١ - تمهيد علم الحديث |
| 6 | ٢ - المبحث الأول: تقسيم الخبر باعتبار طرقه |
| 10 | ٣ - المبحث الثاني: تقسيم الخبر باعتبار القبول والرد |
| 15 | ٤ - المبحث الثالث: الحديث الضعيف |
| 18 | ٥ - المبحث الرابع: أحوال الرواية |
| 22 | ٦ - المبحث الخامس: التعريف بأصحاب الكتب الستة |

PENGENALAN ILMU HADIS

Bahagian Ilmu Hadis:

Ilmu Hadis terbahagi kepada dua bahagian:

1) **Ilmu hadis dirayah** : ilmu yang berkaitan kaedah-kaedah yang dapat mengenali keadaan perawi (sanad) dan matan hadis sama ada ianya diterima atau ditolak.

- **Topik perbahasannya**: perawi (sanad) dan matan hadis sama ada ianya diterima atau ditolak.

- **Faedahnya**: Dapat membezakan antara hadis sahih dengan hadis yang lain, dan mengetahui hadis yang diterima dan hadis yang ditolak.

- **Kelebihannya**: ia adalah salah satu ilmu yang paling mulia, kerana ia berkaitan dengan Sunnah Rasulullah saw.

- **Orang pertama yang menyusun ilmu ini**: Qadi Abu Muhammad al-Hassan bin Abdul-Rahman bin Khulad al-Ramahmari, meninggal dunia tahun 360 H.

2) **Ilmu hadis riwayah**: Ilmu yang merangkumi apa yang disandarkan kepada nabi saw dari segi kata-kata, perbuatan, pengakuan atau sifat, dan meriwayatkannya dengan sanad-sanadnya, mengingati serta menyatakan lafaz-lafaznya

- **Topik perbahasannya**: Kata-kata Nabi saw, perbuatan, pengakuan dan sifat baginda.

- **Faedahnya**: mengetahui sesuatu yang disandarkan kepada Nabi saw dari segi kata-kata, perbuatan, pengakuan atau sifat, dan cara mengikuti Sunnah baginda, serta menjaga daripada berlaku kesilapan dalam memindahkan (menyebarluaskan) sunah tersebut dari baginda.

- **Kelebihannya**: ia adalah salah satu ilmu yang mulia dan tinggi kedudukannya, kerana ia menjadi asas hukum syarak dan ia juga sebagai penjelasan kepada al-Qur'an

- **Orang pertama yang menyusun ilmu ini secara rasminya**: Imam Tabi'i Abu Bakar Muhammad bin Muslim bin Shihab Al-Zuhri, meninggal dunia pada tahun 124 Hijrah. Beliau menyusun ilmu ini pada zaman pemerintahan khalifah Amirul Mukmini Umar bin Abdul Aziz r.a, atas perintah beliau.

تمهيد علم الحديث

أقسامه : ينقسم علم الحديث إلى قسمين :

أ) علم الحديث دراية: هو علم بأصول وقواعد يعرف به حال الراوي والمروي من حيث القبول والرد.

- **موضوعه**: الراوي والمروي من حيث القبول والرد.

- **فائدة**: تمييز الحديث الصحيح من غيره، ومعرفة ما يقبل منه، وما يرد.

فضله: هو من أشرف العلوم ، إذ إنه يتعلق بسنة رسول الله .

- **من أول من صتف فيه**: القاضي أبو محمد الحسن بن عبد الرحمن بن خلاد الرامهرمي، المتوفي سنة ٣٦٠ هـ.

ب) علم الحديث رواية: هو علم يشتمل على نقل ما أضيف إلى النبي ﷺ قوله، أو فعله، أو تقريراً، أو صفة، وروايتها بأسانيدها ، وضبطها، وتحرير ألفاظها.

- **موضوعه**: أقوال النبي ﷺ ، وأفعاله، وتقريراته ، وصفاته.

- **فائدة**: معرفة مانسب إلى النبي ﷺ من قول، أو فعل، أو تقرير، أو صفة، و كيفية الاقتداء بسننته، والاحتراز عن الخطأ في نقلها عنه.

- **فضله**: هو من أشرف العلوم منزلة، وأعلاها شأنًا؛ إذ عليه تبني قواعد الأحكام الشرعية، وهو البيان للقرآن الكريم.

- **أول من دونه رسميًا**: الإمام التابعي أبو بكر محمد بن مسلم بن شهاب الزهري، المتوفي سنة ١٢٤ هـ، وكان تدوينه له في خلافة أمير المؤمنين عمر بن عبد العزيز رض بأمره.

Definisi Sunnah:

Dari sudut **bahasa**: Jalan sama ada baik atau buruk.

Dari sudut **istilah ulamak hadis** : Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah saw sama ada kata-kata, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian (tubuh badan), budi pekerti atau perjalanan hidup Rasulullah saw.

Penghujahannya:

Sunnah merupakan sumber kedua bagi perundangan Islam, ianya wajid diikuti, dan haram menyalahinya. Ini telah disepakati oleh seluruh umat Islam. Sesiapa yang menyangkal perkara tersebut, maka dia telah mengikuti jalan lain daripada jalan orang yang beriman.

Ayat-ayat yang menunjukkan Penghujahan sunnah ini

1. Firman Allah swt: “Apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah dan apa yang dilarangnya kepadamu maka tinggalkanlah”.(Surah Al-Hashr: 7)
2. Firman Allah swt: “Barangsiapa yang mentaati Rasul, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah swt”. (Surat An-Nisa’: 80)
3. Firman Allah swt: “Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihan, Kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya”.
(Surah An-Nisa: 65)
4. Firman Allah swt: “Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah swt mengasihi kamu”. (Surah Al-Imran ayat 31)

Hukum beramal dengan sunnah dan dalilnya:

Beramal dengan Sunnah adalah beramal dengan Al-Qur'an, seperti yang ditunjukkan oleh ayat-ayat sebelum ini. Seseorang berkata kepada Matraf bin Abdullah: Jangan kamu berbicara dengan kami kecuali dengan al-Qur'an. Beliau menjawab: Demi Allah, kita tidak ingin menggantikan al-Qur'an dengan perkara lain, tetapi kami mahu di kalangan kami seseorang yang lebih mengetahui tentang Al-Qur'an.

تعريف السنة:

في اللغة: الطريقة حسنة كانت أو سيئة.

وفي اصطلاح المحدثين هي: ما أضيف إلى النبي ﷺ من قول أو فعل أو تقرير أو صفة خلقية أو حُلْقُلية أو سيرة.

حجيتها:

السنة هي المصدر الثاني للتشريع، يجب اتباعها ، وتحرم مخالفتها، وعلى هذا أجمع المسلمين، فمن أنكر ذلك فقد اتبع غير سبيل المؤمنين.

الآيات الدالة على حجيتها

١. قوله تعالى : ومائتكم الرسول فخذوه وما نحكم عنه فانتهوا (سورة الحشر الآية : ٧)
٢. قوله تعالى : من يطع الرسول فقد أطاع الله (سورة النساء : ٨٠)
٣. قوله تعالى: فلا وربك لا يؤمرون حتى يحكموك فيما شجر بينهم ثم لا يجدوا في أنفسهم حرجا ما قضيت ويسلموا تسلیما (سورة النساء الآية : ٦٥)
٤. قوله تعالى: قل إن كنتم تحبون الله فاتبعوني يحببكم الله (سورة آل عمران الآية : ٣١)

حكم العمل بها و دليله:

العمل بالسنة هو عمل بالقرآن، كما دلت عليه الآيات السابقة، قيل لمطرف بن عبد الله: لا تحدثونا إلا بالقرآن، فقال: والله لا نبغى بالقرآن بديلا، ولكن نريد من هو أعلم منا بالقرآن.

Al-Awza'i meriwayatkan dari Hassan bin Atiyah, berkata : Wahyu itu diturunkan kepada Rasulullah saw dan Jibril a.s memberitahu baginda tentang sunnah yang menjelaskan wahyu tersebut.

Sunnah adalah seperti Al-Qur'an dari segi penghujahannya dan menjadi dalil serta wajib beramal dengannya, kerana ia adalah wahyu dari Allah SWT yang disampaikannya kepada Rasulullah SAW.

Firman Allah swt: "Dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya (3) Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya) (4)" (Surah an Najm : 3 -4)

Sabda Baginda saw : "Ketahuilah sesungguhnya aku diberikan al Quran dan sesuatu yang seumpamanya" iaitu Sunnah.

Kedudukan Sunnah dalam perundangan Islam dan peranannya:

Ayat-ayat sebelum ini telah menunjukkan tentang penghujahan Sunnah, dan umat Islam sepakat bahawa kedudukannya dari segi penghujahannya adalah selepas Kitab Allah (al Quran). Antara ayat yang menunjukkan kedudukan sunnah ini adalah seperti berikut:

1. Sunnah menerangkan tentang Al-Quran,
Firman Allah swt: "dan kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka"
(Surah al-Nahl : ayat 44)
Penerangan itu (sunnah) berada selepas perkara diterangkan (al Quran).
2. Sunnah menguatkan apa yang telah dinyatakan dalam Al-Qur'an, untuk menunjukkan kepentingannya dan tinggi kedudukannya.
3. Sunnah memperincikan perkara umum yang ada dalam Al-Quran, membataskan perkara yang mutlak, mengkhususkan perkara umum, dan menjelaskan perkara kesamaran.
4. Sunnah menjadi sumber yang berasingan kepada perundangan Islam dalam perkara yang tidak ada nas dalam al Quran dan menetapkan hukum secara berasingan.

وروى الأوزاعي، عن حسان بن عطية قال كان الوحي ينزل على رسول الله ﷺ وينبئه جبريل عليه السلام بالسنة التي تفسر ذلك.

فالسنة مثل القرآن في الحجية والاستدلال، و وجوب العمل بها؛ فهي وحي من الله تعالى أواه إلى نبيه ﷺ ؛ قال تعالى: ﴿وَمَا يُنْطَقُ عَنِ الْهَوْىٌ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ﴾ (سورة النجم : الآيات ٣، ٤)

وقال ﷺ : ألا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعِهِ^١ ، يعني: السنة.

مكانتها في التشريع الإسلامي ومنزلتها :

دللت الآيات السابقة على حجية السنة، وأجمع المسلمون على أن رتبتها في الاحتجاج بعد كتاب الله، و ما يدل على منزلتها ما يلي:
١. السنة بين القرآن، قال تعالى: ﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتَبَيَّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْ إِلَيْهِمْ﴾ (سورة التحلية الآية : ٤) والبيان مؤخر عن المبين.

٢. السنة تؤكد ما جاء في القرآن الكريم، إظهاراً لأهميته وإبرازاً لمكانته.
٣. السنة تفصل مجمل القرآن، وتقييد مطلقه، وتحصص عامة، وتوضح مشكله
٤. السنة استقلت بتشريعات سكت عنها القرآن، وأسست أحكاماً على جهة الاستقلال.

^١ أخرجه أبو داود، والترمذى، وقال الترمذى هذا حديث حسن

Pengkhususan umat nabi Muhammad saw dapat menghafal dan meriwayatkan sanad dan matan hadis:

Pengkhususan umat nabi Muhammad saw dapat menghafal dan meriwayatkan sanad dan matan hadis berbanding dengan umat-umat yang lain. Ibn Hazm berkata: "Seseorang yang dipercayai meriwayatkan hadis dari seseorang yang juga dipercayai sehingga sampai kepada Nabi saw secara bersambungan. Perkara ini hanya dikhusus oleh Allah swt kepada umat Islam tidak kepada umat-umat agama lain".

Abu Ali al-Jayyabi berkata: Allah swt mengkhususkan umat ini dengan tiga perkara, yang tidak diberikan kepada umat sebelumnya: ilmu sanad, ilmu salsilah (keturunan), ilmu 'irab (sintaksis).

Ibnu al-Mubarak berkata: "ilmu sanad adalah sebahagian dari agama, dan jika tanpa adanya ilmu sanad, maka sesiapa pun boleh berkata mengikut apa yang diinginkannya".

Al Thauri berkata: "ilmu sanad adalah senjata orang mukmin".

Penjelasan tentang beberapa Istilah yang biasa diperkatakan di kalangan ahli hadis

- 1- Hadis: adalah sesuatu yang disandarkan kepada nabi saw sama ada kata-kata, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian (tubuh badan) Rasulullah saw, seperti terang warna kulitnya (putih kemerah-merahan) atau sifat budi pekerti (akhlak) seperti baginda adalah orang yang paling pemurah.

اختصاص الأمة الحمدية بالحفظ والرواية سنداً، ومتناً:

اختصت هذه الأمة الحمدية بالحفظ والرواية سنداً، ومتناً دون غيرها من الأمم، قال ابن حزم: "نقل الثقة عن الثقة يبلغ به النبي ﷺ مع الاتصال، خص الله به المسلمين دون سائر الملل،

وقال أبو علي الجيابي: خص الله تعالى هذه الأمة بثلاثة أشياء، لم يعطها من قبلها: الإسناد، والأنساب، الإعراب^٢

وقال ابن المبارك: الإسناد من الدين، ولو لا الإسناد لقال من شاء ما شاء^٣.

وقال الشوري: الإسناد سلاح المؤمن.

بيان بعض مصطلحات تدور بين المحدثين

١ - الحديث : هو ما أضيف إلى النبي ﷺ من قول، أو فعل، أو تقرير، أو وصف حَلْقِيٌّ "أي متعلق بالخِلْقَة" كوصفه ﷺ بأنه كان أزهراً اللون^٤، أو وصف حُلْقِيٌّ "أي متعلق بالأخلاق" كوصفه بأنه كان أجود الناس.

^٢ أي: الفصاحة والبيان

^٣ آخرجه مسلم في مقدمة (صحيحة)

^٤ بعض حديث رواه البخاري في (صحيحة) من حديث أنس بن مالك رضي الله عنه ومعنى أزهراً اللون: أبيض مشرب بجمرة.

2. **Khabar:** Pengertiannya sama dengan hadis mengikut pendapat yang sahih. Pendapat lain mengatakan: Khabar itu lebih umum daripada hadis, kerana ia merangkumi apa yang datang dari Nabi sw dan dari orang lain. Setiap hadis adalah khabar dan bukanlah setiap khabar itu adalah hadis.
3. **Athar** adalah hadis mauquf Pendapat lain mengatakan: Hadis adalah mutlak (umum) sama ada marfu', mauquf atau maqtu'.
4. **Sunnah:** Pengertiannya sama dengan hadis seperti maksudnya sebelum ini. Pendapat lain mengatakan: Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi saw sama ada kata-kata, perbuatan atau pengakuan.
5. **Sanad:** Jalan yang menyampaikan kepada Matan, iaitu rantai perawi yang sampai kepada Matan.
6. **Matan:** ungkapan yang berakhirnya rantai sanad (teks hadis dan perkataanya).

• **Hadis marfu'** : Hadis yang diangkatkan oleh perawinya kepada nabi saw sama ada kata-kata atau perbuatan dan sama ada ianya muttasil atau munqati'.

• **Hadis mauquf** : Hadis yang terhenti pada sahabat sama ada kata-kata atau perbuatan dan sama ada ianya muttasil atau munqati'dan tidak sesuatu yang menunjukkan ianya diangkat kepada nabi saw.

• **Hadis maqtu'** : Hadis yang terhenti pada tabie dan selepasnya sama ada kata-kata atau perbuatan, dan boleh dibahaskan.

٢. الخبر: مرادف للحديث على الصحيح.
وقيل: الخبر أعم من الحديث ، لشموله ما جاء عن النبي ﷺ ، وعن غيره، فكل حديث خبر، وليس كل خبر حديثا.
٣. الأثر: هو الحديث الموقوف، وقيل: الحديث مطلقاً، مرفوعاً، أو موقعاً، أو مقطعاً.
٤. السنة: مرادفة للحديث بمعناه السابق.
وقيل ما أضيف إلى النبي ﷺ من قول، أو فعل، أو تقرير .
٥. السند: الطريق الموصولة إلى المتن، أي: سلسلة الرجال الموصولة للمتن.
٦. المتن: ما ينتهي إليه السند من الكلام (نص الحديث ولفظه).

^٥ هو ما أضيف إلى النبي ﷺ من قول أو فعل أو تقرير أو صفة، سواء كان متصلة أو منقطعة

^٦ هو ما أضيف إلى الصحابي رضي الله عنه قولاً أو فعلًا متصلة أو منقطعة، وليس فيه قرينة تدل على رفعه للنبي ﷺ

^٧ هو ما أضيف إلى التابعي، ومن دونه من أتباع التابعين، قولاً له أو فعلًا، وكان للرأي فيه مجال

Perbahasan Pertama

Pembahagian khabar berdasarkan kaedah (jalan-jalannya)

Pembahagian **Khabar** yang seerti maksudnya dengan **hadis** – berdasarkan jalan sanadnya terbahagi kepada khabar mutawatir dan khabar Ahad:

- Definisi **mutawatir** dari sudut **bahasa**: berturut-turut dan banyak
- Dari sudut **istilah ahli hadis**: Hadis yang diriwayatkan pada setiap peringkat oleh perawi yang ramai yang mana mustahil pada akal mereka bersekongkol untuk berdusta. Kesepakatan mereka ini berdasarkan pancaindera yang lima.

Syarat mutawatir: Jelas daripada takrif di atas, syarat mutawatir itu ada 4:

- 1- Ianya diriwayatkan oleh sebilangan besar perawi. Ulamak hadis berbeza pendapat tentang jumlah yang banyak itu. Pendapat yang tepat : Paling sedikit bilangannya adalah sepuluh orang pada setiap peringkat perawi.
 - 2- Jumlah sebanyak itu ada semua peringkat sanad.
 - 3- Mustahil pada akal mereka bersekongkol untuk berdusta.
 - 4- Kesepakatan mereka ini berdasarkan pancaindera yang lima seperti perkataan : Kami mendengar, melihat, menyentuh, atau seumpamanya, tetapi Kesepakatan ini tidak disabitkan dengan akal fikiran, seperti kewujudan pencipta , sifat sediakalaNya, atau barunya alam ini, kerana akal fikiran mungkin berlaku kesilapan, maka khabar tersebut ketika itu tidak dianggap mutawatir.
- **Hukumnya**: Hadis Mutawatir memberi ilmu yang yakin, iaitu keyakinan yang membawa seseorang itu kepada membenarkannya secara jazam (pasti) seperti orang yang melihat sendiri perkara itu, tidak ragu untuk membenarkannya.

المبحث الأول

تقسيم الخبر باعتبار طرقه

ينقسم الخبر المرادف للحديث – باعتبار طرقه إلى خبر متواتر، وخبر آحاد:

- **تعريف المتواتر في اللغة**: المتابع المتکاثر
- **وفي اصطلاح المحدثين**: هو ما رواه في كل طبقة عدد كثير تحيل العادة توافقهم على الكذب وكان مستند اتفاقهم الحس.
- **شروطه**: يظهر من التعريف السابق أن شروط المتواتر أربعة:
 - ١ – أن يرويه عدد كثير، وقد اختلف في حد الكثرة على أقوال، والمخтар أنه أن أقلها عشرة أشخاص في كل طبقة.
 - ٢ – أن توجد هذه الكثرة في جميع طبقات السنن.
 - ٣ – أن تحيل العادة توافتهم على الكذب.
 - ٤ – أن يكون مستند اتفاقهم الحس ^{كقولهم}: سمعنا، أو رأينا، أو لمسنا، أو نحو ذلك، لا ما يثبت بالعقل الصرف، كوجود الصانع، وقدمه، وحدوث العالم، لأن العقل الصرف يمكن أن يخطئ، فلا يسمى الخبر حينئذ متواترا.
- **حكمه**: يفيد المتواتر العلم الضروري أي: اليقيني الذي يضطر الإنسان إلى التصديق به تصدقًا حازماً كمن يشاهد الأمر بنفسه، فإنه لا يتردد في تصديقه.

^٤ أي يكون مضمون الخبر مما يدرك بجاسة من حواس الخمس "السمع، والبصر، والشم، والتذوق، واللمس"

- **Bahagiannya:** Khabar Mutawatir terbahagi kepada dua bahagian: Lafzi (perkataan) dan maknawi (maksudnya).

i) **Lafzi** (teks hadis) adalah hadis yang dipersepakati oleh para perawinya dari segi perkataannya dan maknanya, seperti hadith: “*Barangsiapa yang berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka.*”, kerana hadis ini diriwayatkan oleh lebih daripada 70 sahabat nabi saw.

ii) **Maknawi** (maksud hadis) adalah hadis yang dipersepakati oleh para perawinya dari segi maknanya bukan pada perkataannya, seperti hadith: mengangkat tangan ketika berdoa, di mana kira-kira 100 hadis telah diriwayatkan dalam pelbagai situasi, setiap situasi itu tidak mencapai had mutawatir, tetapi ayat yang digunakan mengandungi maksud mengangkat tangan ketika berdoa, jadi ianya mutawatir berdasarkan dtangny dalam semua riwayat.

Khabar Ahad adalah hadis yang kehilangan satu atau lebih daripada syarat-syarat tawatur yang dijelaskan sebelum ini.

- **Hukumnya:** Hadis Ahad memberi ilmu yang zan (perlukan penelitian), iaitu timbul kecurigaan dengan kandungannya, tanpa melihat kepada qarinah (alasan/bukti).

- **Zan:** Mengetahui pihak yang lebih tepat.

Pembahagian Khabar Ahad

Khabar Ahad dibahagikan mengikut bilangan kaedahnya (jalan sanadnya) kepada bahagian berikut: Masyhur, Aziz dan Gharib.

1. **Hadis Masyhur:** hadis yang diriwayatkan oleh lebih dari dua perawi, dan mereka tidak mencapai bilangan tawatur. ianya dinamakan masyhur kerana terkenal dan jelasnya.

Contohnya : hadis dari Anas yang dikeluarkan dalam kitab as-Sahih: bahawa Rasulullah saw membaca doa qunut (nazilah) selama satu bulan dalam solat Subuh, *mendoakan (kecelakaan) ke atas puak arab, Ri'lan, Zakwan, Usaiyah dan puak Lahyan*. Hadis ini diriwayatkan dalam setiap peringkat lebih dari dua orang perawi.

Daripada Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa: *Ri'lan, Zakwan, Usaiyah dan puak Lahyan meminta bantuan daripada Nabi SAW untuk menyediakan kepada mereka beberapa orang lelaki untuk memerangi musuh mereka. Maka Baginda SAW menghantarkan kepada mereka tujuh puluh orang lelaki dari golongan Ansar yang dikenali sebagai Al-Qura' (penghafaz al-Quran). Maka mereka ini membantu untuk mengumpul kayu api pada siang, dan bermunajat kepada Allah pada waktu malam. Ketika mana mereka (golongan Ansar) sedang berada di lembah Ma'una, mereka dibunuh dan dikhianati. Apabila berita ini sampai kepada Rasulullah, baginda membaca qunut (nazilah) selama sebulan dalam solat subuh mendoakan (kecelakaan) ke atas puak arab, Ri'lan, Zakwan, Usaiyah dan puak Lahyan.* (**Riwayat al-Bukhari**)

- **أقسامه:** ينقسم الخبر المتواتر إلى قسمين هما: لفظي، ومعنوي.

١) **اللفظي** هو ما اتفق رواته في لفظه ومعناه، ك الحديث : من كذب على متعمداً فليتبوأ مقعده من النار^٩ ، فقد رواه أكثر من سبعين صحابياً.

٢) **المعنوي** هو ما تواتر معناه دون لفظه، ك الحديث رفع اليدين في الدعاء، فقد روي فيه نحو مائة حديث في قضايا مختلفة، كل قضية منها لم تبلغ حد التواتر، لكن العبارة المشتملة على رفع اليدين عند الدعاء، قد تواترت باعتبار ورودها في جميع الروايات.

خبر الأحاد هو ما فقد شرطاً فأكثر من شروط التواتر السابقة.

- **حكمه:** يفيد الظن أي: يحصل الظن بمضمونه بقطع النظر عن القرائن.

- **الظن:** هو إدراك الطرف الراجح.

تقسيم خبر الأحاد

ينقسم خبر الأحاد بالنسبة إلى عدد طرقه إلى ما يلي: المشهور، والعزيز، والغريب.

١. **الحديث المشهور:** هو ما رواه أكثر من اثنين، ولم يبلغوا عدد التواتر، وسمى مشهوراً، لشهرته ووضوحيه.

مثاله حديث أنس المخرج في الصبح: أن رسول الله ﷺ قنت شهراً في صلاة الصبح يدعوا على أحياء من أحياء العرب، على رعل، وذكوان، وعصبية، وبني حيان^{١٠} فقد روى هذا الحديث في كل طبقة أكثر من اثنين.

^٩ متفق عليه

^{١٠} أخرجه البخاري، وهذه القبائل هم الذين قتلوا القراء على بغر معونة فدعا عليهم النبي ﷺ شهرًا

Hadis masyhur dipanggil juga berdasarkan apa yang sering bermain di lidah orang ramai, kerana itu hadis ini merangkumi hadis yang mempunyai satu sanad bahkan terangkum juga hadis yang tidak mempunyai apa-apa sanad dan hadis yang sanadnya maudu' (rekaan). Al Hafiz as Sakhawi memberi contoh hadis yang sering bermain di bibir masyarakat "Ulamak umatku seperti para nabi bani Israil" dan hadis "Perut adalah sumber penyakit". kedua-dua hadis ini adalah hadis rekaan dan palsu yang tidak sah sandarnya kepada Rasulullah saw.

2. Hadis Aziz: Hadis yang perawinya tidak kurang dari dua orang perawi dan tidak memudaratkan bertambahnya pada beberapa peringkat sanad. Ini bermakna jika terdapat tiga atau lebih peringkat sanad, maka ia tidak memudaratkan, dengan syarat ada walaupun hanya satu peringkat mempunyai dua perawi, kerana yang dikira adalah yang paling rendah dari peringkat sanad.

Contohnya: Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari hadis Anas r.a, dan Bukhari dari hadis Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: "Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga aku adalah orang yang paling dicintainya berbanding ayahnya, anaknya dan semua orang" Meriwayatkan hadis ini dari **Anas** ialah : **Qatada**, **Abdul Aziz bin Heib**. Meriwayatkan hadis ini pula dari **Qatada** ialah: Shu'bah dan Said bin Bashir. Meriwayatkan hadis ini pula dari **Abdul Aziz** ialah: Ismail bin Aliyah dan Abdul Warith bin Said, dan meriwayatkan hadis ini dari setiap individu daripada 4 perawi tersebut oleh sekumpulan perawi. Hadis ini dinamakan hadis Azizi sama ada kerana banyak atau jarang ditemui, ataupun kerana ia dikuatkan iaitu menjadi kuat kerana datangnya dari jalan yang lain.

وقد يُطلق المشهور على ما اشتهر على ألسنة الناس؛ فعلى هذا يشمل ماله إسناد واحد، بل ما ليس له إسناد أصلاً، وما له إسناد موضوع، وقد مثل الحافظ السخاوي لما اشتهر على ألسنة العامة بحديث: "علماء أمتي كأنبياءبني إسرائيل"، وحديث "المعدة بيت الداء"، وهما موضوعان مكتوبان لا يصح نسبتها إلى رسول الله ﷺ

٢. الحديث العزيز: هو ما لا تقل رواته عن اثنين ولا تضر الزيادة في بعض طبقات سنته. وهذا يعني أنه إذا وجد في بعض طبقات السنن ثلاثة فأكثر فلا يضر بشرط أن تبقى ولو طبقة واحدة فيها اثنان لأن العبرة بأقل طبقة من طبقات السنن.

مثاله: ما رواه الشیخان من حديث أنس، والبخاري من حديث أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلی الله علیه وسَلَّمَ قال: "لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من والده و ولده والناس أجمعين" ، رواه عن أنس: قتادة، وعبد العزيز بن هيب، رواه عن قتادة: شعبة و سعيد بن بشير، رواه عن عبد العزيز: إسماعيل ابن علية، وعبد الوارث بن سعيد، رواه عن كل واحد من هؤلاء الأربع جماعة، وسيجيئ عزيزا، إما نقلة وجوده وندرته، وإما لكونه عز، أي : قوي تجىئه من طريق آخر.

3. Hadis Gharib: Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi secara berasingan riwayatnya walaupun pada satu peringkat perawi

Bahagian Hadis Gharib: ada 2 bahagian:

- (i) **Gharib mutlak:** Hadis yang menyendiri pada asal sanadnya (hanya seorang sahabat sahaja yang meriwayatkan hadis tersebut) iaitu pada hujung sanad terdapat sahabat nabi saw. Hadis ini diriwayat dari sahabat oleh seorang perawi sahaja.
- (ii) **Gharib nisbi:** Hadis yang menyendiri pada pertengahan sanad, seperti hadis yang diriwayatkan daripada sahabat nabi saw oleh lebih daripada seorang perawi, kemudian meriwayatkannya dari salah seorang dari mereka oleh seorang perawi.

Hukum Khabar Ahad

Antaranya ada yang diterima dan ada juga yang ditolak berdasarkan keadaan perawi serta teks hadis, maka antaranya adalah hadis sahih, hadis hasan, hadis dhaif, bahkan ada juga yang maudu'

٣. الحديث الغريب: هو ما تفرد بروايته راو واحد، ولو في طبقة واحدة.

أقسامه: قسمان:

(أ) **الغريب المطلق:** وهو ما كانت الغرابة في أصل سنته، أي في طرفه الذي فيه الصحابي، لأن يرويه عن الصحابي راو فقط.

(ب) **الغريب النسبي:** هو ما كانت الغرابة في أثناء السنن، كأن يروي الحديث عن الصحابي أكثر من راو، ثم ينفرد بروايته عن واحد منهم راو واحد.

حكم خبر الآحاد

منه المقبول، ومنه المردود على حسب أحوال الرواية مع المتن، فيكون منه الصحيح، ومنه الحسن، ومنه الضعيف، بل ومنه الموضوع كذلك.

Perbahasan kedua:

Pembahagian khabar sama ada diterima atau ditolak terbahagi kepada khabar maqbul dan tidak maqbul (mardud)

Pembahagian khabar sama ada diterima atau ditolak terbahagi kepada dua khabar maqbul (diterima) dan tidak maqbul (ditolak)

Bahagian hadis maqbul (diterima)

Hadis maqbul (diterima) terbahagi kepada hadis *sahih lizati*, *sahih lighairihi*, hadis *hasan lizati*, *hasan lighairihi*.

Hadith sahih lizati:

Hadis yang bersambung sanadnya dengan dinaqalkan (diriwayatkan) oleh perawi yang bersifat adil dan dhobit (hafal) dari perawi yang seumpama sifatnya daripada permulaan hadis hingga ke akhirnya (Rasulullah saw). dan tidak ada sebarang syaz dan illah yang mencacatkan.

Huraian definisi:

- **bermaksud:** Setiap perawi daripada perawi-perawinya telah mengambil hadis secara langsung dari Syeikhnya dari permulaan sanad hingga akhirnya.

- **maksud perawi yang adil ialah:** setiap Setiap perawi daripada perawi-perawinya mempunyai sifat seorang Muslim, baligh (sampai usia taklif), berakal, tidak fasik iaitu tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa dan maksiat kecil, tidak ada perkara yang mencacatkan maruah seperti makan di pasar dan perkara seumpamanya yang dicela pada kebiasaannya.

- **perawi itu berada di peringkat paling tinggi hafalannya.** Dia akan menghafal sepenuhnya apa yang dia hafalnya ketika menyampaikan hadis tersebut

المبحث الثاني:**تقسيم الخبر باعتبار القبول أو الرد إلى مقبول وغير مقبول (مردود)**

ينقسم الخبر باعتبار القبول والرد إلى قسمين: مقبول، وغير مقبول.

أقسام الحديث المقبول

ينقسم الحديث المقبول إلى الصحيح لذاته، والصحيح لغيره، والحسن لذاته، والحسن لغيره.

الحديث الصحيح لذاته:

هو ما اتصل سنته بنقل عدل تم الضبط عن مثله إلى منتهاه، من غير شذوذ، ولا علة قادحة.

ايضاح التعريف:

- **(اتصل سنته)** معناه: أن كل راوٍ من روّاته قد أخذ الحديث مباشرةً عن شيخه من أول السند إلى آخره

- **(بنقل عدل) المراد بعده الرواية:** أي: أن كل راوٍ من روّاته قد اتصف بكونه مسلم، بالغاً، عاقلاً غير فاسق "أي": غير مرتكب لكبيرة، ولا مصر على صغيرة من الذنوب والمعاصي، ويكون سلماً ما يخل بالمرءة كالأكل في السوق، ومثل ذلك مما يلزم عرفاً.

- **(تم الضبط)** أي: كونه في المرتبة العليا من الضبط، فيحفظ حفظاً تاماً لما يرويه عند روایته له،

والضبط قسمان:

- (أ) ضبط الصدر وهو أن يحفظ الرواية ما سمعه من شيوخه، بحيث يتمكن من استحضاره متى شاء، ولا يضره الخطأ النادر
- (ب) ضبط كتاب وهو صياغة الرواية لكتابه منذ سمعه، إلى أن يؤدي منه، ولا يدفعه إلى من يحتمل أن يبدل فيه.

Dabt (hafalan) itu ada dua bahagian:

- (i) **Hafalan di dada:** Perawi menghafal apa yang didengarnya dari para gurunya, yang mana dia dapat mendatangkannya apabila dia mahu, dan jika ada kesilapan jarang berlaku itu tidak memudarat perawi tersebut.
- (ii) **Hafalan pada tulisan:** Perawi menjaga hadis dengan menulisnya semenjak mula mendengarnya sehingga apabila dia mendatangkan hadis tersebut dan tidak menyerahkannya kepada seseorang yang mungkin akan mengubahnya.

• (السلامة من الشذوذ) iaitu hadis itu bukan hadis syaz. Perkataan **Syaz** ialah: menyalahi perawi yang diterima yang lebih hebat daripadanya dari segi hafalan dan bilangannya.

• (السلامة من العلة) iaitu hadis itu bukan hadis muallan. Perkataan **illah** ialah: sebab tersembunyi yang mencatkan hadis sahih atau hasan sedangkan pada zahirnya adalah selamat.

Contoh **hadis sahih lizati**: Hadis riwayat Bukhari daripada Abdullah bin Yusuf, dia berkata: Malik memberitahu kami, daripada Abu Al-Zanad, daripada Al-A'raj, daripada Abu Hurairah r.a, bahwa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Kalau tidaklah akan menyusahkan umatku akan aku suruh mereka bersugi pada tiap-tiap waktu ketika berwuduk".

Hadis dengan sanad ini adalah **sahih lizati**, tanpa memerlukannya hadis lain untuk menguatkannya.

Ulasan :

Peringkat-peringkat hadis sahih lizati berbeza-beza mengikut ciri-ciri yang dinyatakan dalam takrifnya.

Antara tahap hadis sahih lizati yang paling tinggi ialah: sanad yang disebut oleh sebahagian ulamak hadis, ia adalah yang paling sahih sanadnya, seperti yang dikatakan oleh Al-Bukhari: Sanad yang paling sahih ialah: "Malik, daripada Nafi, daripada Ibnu Umar," Inilah rantai emas.

• (السلامة من الشذوذ) أي: لا يكون الحديث شاذًا، والشذوذ: هو مخالفة الرواية المقبول من هو أرجح منه حفظاً أو عدداً

• (السلامة من العلة) أي: لا يكون الحديث معللاً، والعلة في الأصل هي سبب غامض خفي يندرج في صحة الحديث، أو حسنها مع أن الظاهر السلامة منه.

مثال الصحيح لذاته: ما رواه البخاري عن عبد الله بن يوسف، قال: أخبرنا مالك، عن أبي الرناد، عن الأعرج، عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قال: "لولا أن أشق على أمتي أو على الناس لأمرهم بالسوافع مع كل صلاة"، فالحديث بهذا الإسناد صحيح لذاته، دون احتياجه إلى ما يقويه.

نبيله: تتفاوت مراتب الصحيح لذاته بتفاوت الأوصاف المذكورة في تعريفه.

فمن المرتبة العليا: السنن الذي أطلق عليه بعض أئمة الحديث، أنه أصح الأسانيد، كقول البخاري: أصح الأسانيد: "مالك، عن نافع، عن ابن عمر"، وهذه هي سلسلة الذهب.

Adapun perbezaannya tahap hadis berdasarkan Matan (teks hadis), ulamak hadis sepakat mengatakan bahawa tahap hadith yang paling sahih ialah hadis yang disebut oleh Al-Bukhari dan Muslim, kemudian hadis yang disebut oleh Al-Bukhari secara bersendirian, kemudian hadis yang disebut oleh Muslim secara bersendirian, kemudian hadis yang mengikut syarat kedua-duanya, kemudian hadis yang mengikut syarat Bukhari, kemudian hadis yang mengikut syarat Muslim, kemudian hadis yang mengikut syarat selain keduanya, seperti kitab sittah, Sahih Ibn Khuzaimah, Sahih Ibn Habban, dan Mostadrak Al-Hakim, dan lain-lain. Didahulukan hadis yang mengikut syarat Syeikhani (Bukhari dan Muslim) kerana ulamak sepakat menerima kitab hadis keduanya.

Hadis Hasan Lizati

Dia tidak menghubungi rantaian undang-undang untuk memindahkan keadilan bahawa disiplinnya berkurang daripada memakan, tanpa keabnormalan, dan tidak ada sebab lain.

Contohnya: Hadis riwayat Al-Tirmizi melalui sanad Muhammad bin Amru bin Alqamah, daripada Abu Salamah, daripada Abu Hurairah, berkata: Rasulullah saw bersabda: "Kalau tidaklah akan menyusahkan umatku akan aku suruh mereka bersugi pada tiap-tiap waktu ketika berwuduk".

Muhammad bin Amru bin Alqamah tidak mempunyai ciri hafalan sempurna. Namun kurang hafalan sempurnanya kerana buruk hafalannya. Dia adalah pada tahap "diperdayai" di kalangan ulama.

Hukum hadis sahih dan hasan:

Hadis sahih lizatihi dan hasan lizatihi adalah sama dari segi menjadi hujah dan (wajib) beramal dengannya.

Hadis hasan kekuatannya kurang berbanding hadis sahih. Hadis sahih didahulukan apabila berlaku pertentangan dengan hadis hasan serta tidak mampu untuk menggabungkan keduanya.

أما التفاوت بحسب المتن فقد اتفقوا على أن أصح الأحاديث ما اتفق على ذكره البخاري و مسلم، ثم ما انفرد به البخاري، ثم ما كان على شرطهما، ثم ما كان على شرط البخاري، ثم ما كان على شرط مسلم، ثم ما كان على شرط غيرهما كباقي الكتب الستة، وصحيح ابن خزيمة، وصحيح ابن حبان، ومستدرك الحاكم، وغيرها، وإنما قدم ما كان على شرط الشيفيين لاتفاق العلماء على تلقي كتابيهما بالقبول.

الحديث الحسن لذاته

هو ما اتصل سنته بنقل عدل خف ضبطه عن التهام، من غير شذوذ، ولا علة أخرى.

مثاله: ما رواه الترمذى من طريق محمد بن عمرو بن علقمة، عن أبي سلمة، عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله ﷺ "لولا أن أشق على أمتي لأمرتكم بالسواك عند كل صلاة" فإن محمد بن عمرو بن علقمة لم يتصف بالضبط التام، وإنما قلل ضبطه عن التمام، لسوء حفظه، فهو في درجة "صدوق" عند العلماء.

حكم الصحيح والحسن: الحديث الصحيح لذاته، والحسن لذاته يشتراكان في الاحتجاج بكل منهما، والعمل بهما، وإن كان الحسن دون الصحيح في القوة، فيرجح الصحيح على الحسن عند التعارض، وعدم إمكان الجمع بينهما.

Hadis sahih lighairih

Hadis yang diriwayatkan dengan sanad hasan, apabila diriwayatkan dari jalan lain yang seumpama dengannya atau lebih kuat daripadanya.

Dinamakan **sahih lighairih**, kerana sahihnya tidak datang dari sanad pertama yang sama, tetapi berasal dari penyertaan hadis lain.

Contoh:

Hadis Siwak terdahulu yang telah diriwayatkan oleh Muhammad bin Amr bin Alqamah, ianya dikuatkan melalui sanad Abi Al-Zanad, dari Al-Aaraj, dari Abu Hurairah. Perawakan perawi sanad ini semuanya adalah adil dan hafalan sempurna.

Al-Bukhari meriwayat hadis dalam kitab "Sahih" dari jalan ini seperti yang telah dinyatakan pada contoh sahih lizatihi.

Hadis sahih lighairih

Hadis yang terdapat pada sanadnya sedikit lemah seperti *inqita'* (terputus perawi), *Jahalah* (perawi tidak dikenali) atau lemah sedikit bagi sebahagian perawinya. Kemudian diriwayatkan dari jalan lain seumpamanya, atau pada tahap hasan *lizatihi*.

Contohnya:

Hadis Riwayat Al-Tirmidhi dalam kitab Jami' beliau (2476) dari jalan Muhammad bin Ka'b al-Qurazi, berkata : orang yang mendengar dari Ali bin Abi Thalib menceritakan kepadaku, katanya: Kami sedang duduk bersama Rasulullah saw di dalam masjid. Tiba tiba datang Musab bin Umair ra, dan tiada di atas badannya kecuali hanya sehelai selendang yang bertampung dengan kulit. Tatkala Rasulullah saw melihat kepadanya, baginda menangis dan menitis air mata kerana mengenangkan kemewahan Musab ketika berada di Mekah dahulu (kerana sangat dimanjakan oleh ibunya) dan kerana memandang nasib Musab sekarang (ketika berada di Madinah sebagai seorang muhajirin yang terpaksa meninggalkan segala harta benda dan kekayaan di Mekah). Kemudian Rasulullah saw bersabda: Bagaimakah keadaan kamu pada suatu saat nanti, pergi di waktu pagi dengan satu pakaian dan pergi di waktu petang dengan pakaian yang lain pula, dan bila diangkatkan satu hidangan, diletakkan pula satu hidangan yang lain, dan kamu menutupi (menghiasi) rumah kamu seperti mana kamu memasang kelambu Kaabah? Maka jawab sahabat: Wahai Rasulullah, tentunya di waktu itu kami lebih baik daripada hari ini. Kami akan memberikan tumpuan kepada ibadah sahaja dan tidak usah mencari rezeki. Lalu Rasulullah saw bersabda: Tidak, keadaan kamu pada hari ini adalah lebih baik daripada keadaan kamu di hari itu.

الحادي عشر

هو الحديث المروي بسند حسن، إذا روي من طريق آخر مثله، أو أقوى منه.

وسمى صحيحاً الغيره، لأن الصحة لم تأت من ذات السندي الأول، وإنما جاءت من انضمام غيره له.

مثاله: حديث السواك المتقدم الذي رواه محمد بن عمرو بن علقمة، فإنه تقوى مجبيته من طريق أبي الزناد، عن الأعرج، عن أبي هريرة، ورجال هذا الطريق كل منهم عدل تمام الضبط، وقد أخرج البخاري الحديث في "صحيحه" من هذا الطريق كما تقدم في مثال الصحيح لذاته .

الحادي عشر لغيره

هو الحديث الذي في سنته ضعف يسير كالانقطاع، أو الجهالة، أو الضعف اليسيير لبعض رواته، ثم روى من طريق آخر مثله، أو في مرتبة الحسن لذاته.

مثاله : ما رواه الترمذى في جامعه (٢٤٧٦) من طريق مُحَمَّد بن كعب القرظى قال: حدثنى من سمع على بن أبي طالب، يقول : إناجلوس مع رسول الله ﷺ في المسجد إذ طلع مصعب بن عمير ما عليه إلا بردة له ممزوجة بفرو فلما رأه رسول الله ﷺ بكى للذى كان فيه من النعمة والذى هو اليوم فيه، ثم قال رسول الله ﷺ : "كيف بكم إذا غدا أحدكم في حلة وراح في حلة ووضعت بين يده صحفة ورفعت أخرى وسترمي بيوتكم كما تستر الكعبة؟". قالوا: يا رسول الله نحن يؤمننـ خير منا اليوم ننفرغ للعبادة ونكتفى المؤنة، فقال رسول الله ﷺ : "لأنتم اليوم خير منكم يومئذ".

Tirmizi berkata: "Ini adalah hadis hasan gharib." Perawi-perawi sanad hadis ini selain perawi yang kesamaran iaitu orang yang mendengar daripada Ali bin Abu Talib r.a, adalah tidak dikenali. Hadis dari jalan sanadnya adalah lemah, tetapi dia mempunyai syahid (1) daripada jalan sanad yang lain riwayat al Hakim dalam kitab "Al-Mustadrak" (6640) dari jalan sanad Musa bin Ubaidah Al-Rabzi, dari saudaranya Abdullah bin Ubaidah, dari Urwah bin Al-Zubair, dari ayahnya, berkata: Rasulullah saw duduk di Qaba' bersama sekumpulan para sahabat, Tiba tiba datang Musab bin Umair ra, memakai sehelai selendang yang tidak dapat menutupi seluruh tubuhnya..... al Hakim tidak membicarakan sedikitpun tentang kedudukan hadis ini, perawi-perawi sanadnya diterima, kecuali Musa bin Ubaidah al-Rabzi, dia adalah lemah, maka hadis ini menjadi lemah dengan sanad ini, tetapi dengan menghimpunkn dua sanad ini maka ia menjadi kuat dan mencapai tahap hasan lighairih. al-Tirmizi mengatakan hadis ini sebagai hadis hasan seperti yang dijelaskan sebelum ini..

(1) Syahid adalah hadis yang diriwayatkan dari sahabat nabi yang lain, tetapi sama dengannya dari sudut perkataan dan maknanya, atau sama dari sudut maknanya sahaja.

وقال الترمذى: "هذا حديث حسن غريب". فرجال إسناد هذا الحديث عدا الرواى المبهم، وهو من سمع على بن أبي طالب رضي الله عنه، فهو مجهول، والحديث من طريقه ضعيف، لكن له شاهد(1) من طريق آخر أخرجه الحاكم في "المستدرك"(٦٦٤٠)، من طريق موسى بن عبيدة الرذى، عن أخيه عبد الله بن عبيدة، عن عروة بن الزبير، عن أبيه رضي الله عنه ، قال: كان رسول الله صلوات الله عليه وآله وسلامه جالسا بقباء ومعه نفر فقام مصعب بن عمير عليه بردة ما تقاد تواريه الحديث" ، ولم يتكلم الحاكم بشيء عن درجته، ورجال إسناده محتاج بهم، عدا موسى بن عبيدة الرذى، وهو ضعيف، فيكون الحديث ضعيفا بهذا الإسناد، ولكن بمجموع طرقيه بتقوى، ويكون حسنا لغيره، وقد حسن الترمذى كما تقدم.

(١) الشاهد : هو الحديث المروي عن صحابي آخر، لكنه يشتراك معه في اللفظ والمعنى أو المعنى فقط .

Perbahasan ketiga

HADIS DHAIF

Hadis yang hilang satu syarat daripada syarat-syarat hadis hasan

Apabila hadis itu yang hilang satu syarat daripada syarat-syarat hadis hasan atau hadis sahih, maka ia adalah hadis dhaif (lemah), namun hadis dhaif ini sebahagiannya boleh ditampung kekurangannya, diangkat dan dikuatkannya dan sebahagian lagi tidak boleh ditampung kekurangannya, tidak boleh diangkat dan tidak boleh dikuatkannya.

Sebab lemahnya Hadis ini berkisar pada dua perkara:

- 1- Tidak bersambung sanad
- 2- Perawi yang lemah disebabkan buruk hafalannya dan tidak dikenali

Kategori Lemahnya Hadis Disebabkan Tidak Bersambung Sanad Terdapat 6 jenis:

- 1- **Hadis Mursal** : Hadis yang gugur pada sanadnya generasi lebih tinggi dari tabie dan tabie tersebut mengangkatnya kepada Rasulullah saw (Tabie meriwayatkan dari nabi saw tanpa disebut sahabat).
- 2- **Hadis Munqati'** : hadis yang gugur di pertengahan sanadnya seorang perawi atau lebih dengan syarat tidak berturut-turut, tidak pada awal sanad dan tidak juga pada akhirnya.
- 3- **Hadis mu'dhal** : Hadis yang gugur pada sanadnya dua orang perawi atau lebih secara berturut-turut dengan syarat ianya tidak gugur pada awal sanad.
- 4- **Hadis Mu'allaq** : Hadis yang dibuang dari awal sanad seorang perawi atau lebih secara berturut-turut (dari sudut orang yang mengeluarkan hadis, seperti al Bukhari sebagai contoh).

المبحث الثالث

الحديث الضعيف

هو ما فقد شرطا من شروط الحديث الحسن.

فإذا فقد من الحديث شرط من شروط الحديث الحسن أو الصحيح : فإنه يكون ضعيفاً، لكن هذا الضعف منه ما ينجر ويرتقي و يتقوى، ومنه ما لا ينجر ولا يرتقي ولا يتقوى.

وسبب الضعف منحصر في أمرين :

أ. انقطاع السند.

ب. ضعف الراوي بسبب : سوء حفظه، أو جهالته.

فضعف الحديث بسبب انقطاع سنته تحته أنواع ستة، وهي

(١) المرسلا: وهو ما سقط من إسناده من فوق التابعي، ورفعه التابعي إلى الرسول ﷺ.

(٢) المنقطع: هو ما سقط من وسط إسناده راو واحد أو أكثر، بشرط عدم التوالي، وليس في أوله ولا في آخره.

(٣) المعضل: وهو ما سقط من إسناده روياً فأكثر على التوالي بشرط ألا يكون السقط من أول السند.

(٤) المعلق: وهو ما حذف من أول إسناده راو فأكثر على التوالي (من جهة من أخرج الحديث: كالبخاري مثلاً).

5. **Hadis Mudallas** : Perawi meriwayatkan hadis daripada orang yang ditemuinya yang mana ia tidak mendengar dari orang itu sendiri, dengan perkataan yang boleh dianggap mendengar seperti "Berkata", "daripada" dan "bahwasanya", perkara ini disangkakan bahawa ia mendengar sendiri daripada orang yang ditemuinya itu
6. **Hadis Mursal Khafi** : Perawi meriwayatkan hadis daripada orang yang sezaman dengannya namun ia tidak pernah bertemu dengannya dan tidak pernah mendengar dari orang itu sendiri, dengan perkataan yang boleh dianggap mendengar dan lainnya seperti "Berkata", "daripada" dan "bahwasanya", perkara ini disangkakan bahawa ia bertemu dengannya dan mendengar sendiri daripada orang yang sezaman dengannya itu.

Perbezaan antara **Hadis Mudallas** dan **Hadis Mursal Khafi**: ialah perawi **Hadis Mudallas** mempunyai syeikh (guru hadis) yang bertemuinya dan mendengar daripadanya, tetapi dia tidak mendengar daripadanya hadis ini yang disembunyikan perawi asal dengan perkataan yang boleh disangkakan bahawa ia mendengar sendiri daripada orang yang ditemuinya itu

Hadis Mursal Khafi: Perawi meriwayatkan hadis daripada syeikh (guru hadis) yang sezaman dengannya namun ia tidak pernah bertemu dengannya, ia meriwayatkannya dengan perkataan yang boleh disangkakan bahawa ia mendengar sendiri daripada orang yang ditemuinya itu.

Kategori Hadis Dhaif Disebabkan buruk hafalan perawi dan perawinya tidak dikenali, faktor ini menghasilkan banyak jenis hadis dhaif seperti : Hadis Mubham, Syaz, Munkar, Mudarraj, Maqlub, Musahhof dan Muharraf. Semua jenis ini antara berlaku pada sanad, pada matan dan berlaku pada kedua-duanya serentak. Berikut pengertian hadis-hadis ini secara ringkas:

- 1- **Hadis Mubham** : Hadis yang pada sanadnya terdapat perawi yang tidak dinyatakan namanya (seperti seorang lelaki atau perempuan)
- 2- **Hadis Syaz** : Hadis yang diriwayatkan oleh perawi itu diterima tetapi bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih kuat dari segi hafalan atau bilangan.
- 3- **Hadis Munkar** : Hadis yang diriwayatkan oleh perawi itu lemah tetapi bertentangan dengan riwayat perawi thiqah yang lebih kuat hadis yang menyalahi dengan riwayat perawi-perawi thiqah.
- 4- **Hadis Mu'all** : hadis yang mempunyai sebab tersembunyi yang mencacatkan dari segi sahih atau hasan hadis tersebut sedangkan pada zahirnya adalah baik.

٥) المدلس: هو أن يروي الراوى عن لقىه وسمع منه مالم يسمعه منه، بلفظ يحتمل السمع كـ"قال"، وـ"عن"، وـ"أن" فيوهم أنه قد سمع منه هذا الحديث بعينه .

٦) المرسل الخفي : هو أن يروي الراوى عن عاصره ولم يلقه ما لم يسمع منه، بلفظ يحتمل السمع وغيره كـ"قال"، وـ"عن" وـ"أن" فيتوهم أنه لقىه وسمع منه هذا الحديث بعينه .

الفرق بين المدلس والمرسل الخفي: هو أن الراوى المدلس له شيخ لقىه وسمع منه، لكنه لم يسمع منه هذا الحديث الذي دلسه عنه بصيغة توهם أنه قد سمعه منه

والمرسل الخفي هو: أن يروى عن شيخ عاصره ولم يلقه بصيغة توهם أنه سمعه منه.

وأما الضعف بسبب سوء حفظ الراوى أو جهالته فإنه ينتج عنه أنواع كثيرة من الحديث الضعيف، كـ: المبهم، الشاذ، والمنكر، والمعل، والمدرج، والمقلوب، والمضطرب، والمصحف، والمحرف، وتلك الأنواع منها ما يقع أحياناً في السند، وأحياناً أخرى في المتن، وتارة ثلاثة فيهما

معاً، وفيما يلي تعريف موجز لكل منها :

١. المبهم: وهو الحديث الذي في إسناد راو لم يصرح باسمه (مثل: رجل، أو امرأة).
٢. الشاذ: وهو ما رواه المقبول مخالفًا لمن هو أرجح منه حفظاً أو عدداً.
٣. المنكر: وهو ما رواه الضعيف مخالفًا لما رواه الثقة.
٤. المعل: وهو الحديث الذي اطلع فيه على علة تقدح في صحته أو حسنها مع أن الظاهر السلامه منه .

5. **Hadis Mudarraj** : Hadis yang tidak mengikut bentuk sanadnya atau ditambah perkataan yang bukan matannya tanpa pemisah yang membezakannya.
6. **Hadis Maqlub** : Menukar perawi dengan perawi lain pada sanad hadis atau meletakkanya di awal atau di akhir matan hadis yang mencatatkan maksudnya.

Penambahan pada bersambungnya sanad ialah penambahan perawi di tengah sanad yang pada zahirnya bersambung.

7. **Hadis Mudhtarib** : Hadis yang diriwayatkan mengikut bentuk berbeza yang tidak boleh dihimpunkan di antara kedua-kedua hadis dan salah satu hadis itu tidaklah mengatas hadis yang lain.
8. **Hadis Musahhaf** : Hadis yang terdapat perubahan dari segi titik pada huruf sedangkan bentuk tulisannya sama, seperti: [أبي جمرة] atau [عياش] dan [أبي حمزة]
9. **Hadis Muharraf** : Hadis yang terdapat perubahan dari segi baris pada huruf sedangkan bentuk tulisannya sama, seperti: [سلام] atau [الرَّبِيع] dan [الرَّبِيع]

Pengertian **hadis maudhu'** dari sudut bahasa: Sesuatu yang ditempel. Seseorang itu menempelkan pada seseorang lain iaitu melebelkan dan menisahkan sesuatu kepadanya secara palsu dan dusta.

Hadis maudhu' dari sudut istilah: Pendustaan yang dicipta dan direka-reka yang dinisbahkan/disandarkan kepada Rasulullah saw, sedangkan baginda tidak mengatakannya.

